

Tiada dasar sebelahi kontraktor Jepun dan Korea - PM

20 NOV 1984

KUALA LUMPUR 28 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa kerajaan tidak mempunyai dasar untuk sebelahi kontraktor Jepun atau Korea.

Jika mereka dapat kontrak, ini adalah kerana tawaran harga mereka yang lebih rendah, ujar Perdana Menteri.

Berucap di majlis makan malam Persatuan Pemborong-Pemborong Binaan Malaysia di sini malam ini, beliau menyatakan, kontraktor tempatan termasuk kontraktor bumiputera terpaksa bersaing dengan kontraktor timur tetapi malangnya telah gagal.

Beliau menjelaskan, pada akhir-akhir ini terdapat pendapat bahawa kononnya kerajaan memberi keistimewaan kepada kontraktor-kontraktor asing dalam memberi kerja-kerja pembinaan yang besar di samping mereka memperoleh kemudahan-kemudahan lain seperti bekalan air, dan elektrik.

"Juga terdengar sungutan bahawa skiranya kerajaan memberi kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor asing itu kepada kontraktor tempatan pula, maka kontraktor tempatan juga boleh mengendalikan kerja-

kerja mereka dengan cepat, sempurna dan baik." katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian kepada keadaan tidak lama dahulu sebelum apa yang dianggap sebagai kebanjiran kontraktor asing berlaku.

Menurut beliau, tidak ada banyak projek pembinaan yang besar, baik dalam rancangan kerajaan atau swasta yang mempunyai cuma dua atau tiga projek besar.

"Kebanyakan daripada kontrak-kontrak binaan yang besar dimenangi oleh kontraktor-kontraktor asing dari Eropah tetapi prestasi mereka tidak memuaskan dan kos mereka tinggi," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, beberapa daripada projek itu, terbengkalai kerana beberapa sebab sehingga ada yang terpaksa dibina semula dengan belanja yang amat tinggi dan masa yang panjang.

Beliau berkata, peranan bumiputera dalam kontrak yang besar hampir tidak ada dan mereka tidak menjadi kontraktor utama atau sub-kontraktor serta hampir semua jurutera bumiputera pada masa itu bekerja semata-mata dengan kerajaan.

Dalam keadaan itu, menurut beliau, kerajaan mencadangkan sistem 'turnkey' di mana kontraktor-kontraktor timur berjaya menggantikan kontraktor Barat di mana persaingan yang sebenar adalah antara kontraktor-kontraktor tersebut.

"Kontraktor tempatan tidak begitu terlibat dan sudah tentu kontraktor bumiputera tidak sama sekali tersingkir kerana penyertaan kontraktor-kontraktor dari timur kerana mereka tidak pun mampu membuat tawaran," tegas beliau.

Perdana Menteri memberitahu, penyertaan kontraktor dari timur telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam bidang pembinaan dengan mengurangkan kos, memperkenalkan

sistem-sistem baru dan mempercepatkan kerja yang menyebabkan berlakunya letusan pembinaan "building boom".

"Bukan menjadi dasar kerajaan untuk membiayai orang asing dan kerajaan sanggup rugi sedikit asalkan rakyat sendiri mendapat nikmat tetapi janganlah kita lekas menyalahkan kerajaan sebelum kita periksa dengan teliti sesuatu perkara itu dan mengkaji peranan kita sendiri," ujar beliau.

Perdana Menteri mengajak kontraktor-kontraktor bumiputera mengkaji kebaikan-kebaikan yang telah berlaku akibat daripada penyertaan kontraktor dari timur sungguhpun ianya bukan kerana dasar kerajaan. "Jika kontraktor-kontraktor tempatan dapat menyerap sistem pembinaan dan pengurusan baik dan dapat mendirikan syarikat-syarikat yang lebih besar, saya yakin satu hari kontraktor Malaysia dapat menyningi dan memenangi kontrak kontrak antarabangsa," ujar beliau.